

## TERMA RUJUKAN GERAN PENYELIDIKAN KECEMERLANGAN UNIVERSITI (KECEMERLANGAN@UPSI)

### 1. TUJUAN

- 1.1 Geran Penyelidikan Kecemerlangan Universiti (*Kecemerlangan@UPSI*) ini bertujuan melahirkan penyelidik yang prolifik dalam menyumbang kepada peningkatan bilangan penerbitan bagi penarafan QS Ranking/MyRA/SETARA/KPI UPSI.
- 1.2 Geran Kecemerlangan@UPSI juga bertujuan untuk melonjakkan penjaan teori, konsep dan idea baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif.
- 1.3 Geran Kecemerlangan@UPSI merupakan platform untuk melonjakkan aktiviti penerbitan dan memantapkan pengiktirafan penyelidik ke tahap yang lebih cemerlang di peringkat antarabangsa melalui penerbitan berimpak tinggi.

### 2. SYARAT AM PERMOHONAN

- 2.1 Geran ini ditawarkan kepada Kakitangan Akademik UPSI bertaraf tetap dan kontrak. Tempoh perkhidmatan ketua penyelidik mesti berbaki sekurang-kurangnya 1 tahun dari tarikh geran ditutup.
- 2.2 Kakitangan akademik yang akan atau sedang cuti belajar/ sabbatical/ pasca kedoktoran/ sangkutan tidak layak memohon.
- 2.3 Kakitangan akademik yang dianugerahkan geran ini boleh memohon mana-mana geran GPU yang ditawarkan pada tahun semasa.
- 2.4 Penyelidik bersama hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang kakitangan akademik UPSI bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan fakulti/pusat tanggungjawab yang sama.
- 2.5 Bilangan penyelidik bersama terhad kepada lima (5) orang.
- 2.6 Kolaborasi dengan agensi kerajaan, industri atau antarabangsa adalah amat digalakkan.
- 2.7 Ketua penyelidik dan penyelidik bersama perlu mematuhi etika penyelidikan yang telah ditetapkan. Penyelidikan yang melibatkan sampel manusia perlu mendapatkan kelulusan Etika Penyelidikan Manusia dan perlu dilaporkan dalam Laporan Kemajuan 1.

- 2.8 Ketua penyelidik (PI) hendaklah mencapai kelayakan penerbitan dan H-Indeks seperti berikut:

<b>Bidang</b>	<b>Kelayakan penerbitan</b>
S&T	Sekurang-kurangnya 7 penerbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS sebagai <i>corresponding author</i> dalam tempoh 3 tahun terkini.
Non S&T	Sekurang-kurangnya 5 penerbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS sebagai <i>corresponding author</i> dalam tempoh 3 tahun terkini.

<b>Bidang</b>	<b>Kelayakan H-Indeks</b>
S&T	Empat belas (14) dan ke atas
Non S&T	Tujuh (7) dan ke atas

- 2.9 Penyelidik bersama hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang kakitangan akademik UPSI yang dipilih oleh Ketua Penyelidik. Kolaborasi dengan agensi kerajaan, Industri dan antarabangsa adalah digalakkan.
- 2.10 Ahli penyelidik bersama terhad kepada LIMA (5) orang penyelidik sahaja.
- 2.11 Ketua penyelidik dan penyelidik bersama perlu memastikan penyelidikan dijalankan dengan mematuhi etika yang telah ditetapkan.

### 3. SKOP KAJIAN

- 3.1 Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MYSTIE - *Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy*)
- i. Tenaga (*Energy*);
  - ii. Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (*Business and Financial Services*);
  - iii. Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (*Culture, Arts and Tourism*);
  - iv. Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (*Medical and Healthcare*);
  - v. Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu) (*Smart Technology and Systems (Next Generation Engineering and Manufacturing)*);
  - vi. Bandar Pintar dan Pengangkutan (*Smart Cities and Transportation*);
  - vii. Air dan Makanan (*Water and Food*);

- viii. Pertanian dan Perhutanan (*Agriculture and Forestry*);
- ix. Pendidikan (*Education*);
- x. Alam Sekitar dan Biodiversiti (*Environment and Biodiversity*).

### 3.2 Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV 2030 – *Shared Prosperity Vision 2030*)

- i. KEGA 1 - Hub Kewangan Islam 2.0 (*Islamic Finance Hub 2.0*);
- ii. KEGA 2 - Ekonomi Digital (*Digital Economy*);
- iii. KEGA 3 - Revolusi Perindustrian Keempat (*Industrial Revolution 4.0*);
- iv. KEGA 4 - Industri kandungan (*Content Industry*);
- v. KEGA 5 - Hub ASEAN (*ASEAN Hub*);
- vi. KEGA 6 - Hub Halal dan Makanan (*Halal and Food Hub*);
- vii. KEGA 7 - Komoditi Malaysia 2.0 (*Commodity Malaysia 2.0*);
- viii. KEGA8 - Pengangkutan, Logistik dan Mobiliti Lestari (*Logistic, Transportation and Sustainable Mobility*);
- ix. KEGA 9 - Ekonomi Pesisiran dan Maritim (*Coastal and Maritime Economy*);
- x. KEGA 10 - Pusat Kecemerlangan (*Centres of Excellence*);
- xi. KEGA 11 - Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy*);
- xii. KEGA 12 - Ekonomi Hijau (*Green Economy*);
- xiii. KEGA 13 - Pertanian Pintar dan Bernilai Tinggi (*Smart and High Value Agriculture*);
- xiv. KEGA 14 - Perkhidmatan Termaju dan Moden (*Advanced and Modern Services*);  
atau
- xv. KEGA 15 - Malaysia Truly Asia (*Malaysia Truly Asia*).

### 3.3 Matlamat Pembangunan Mampan (***Sustainable Development Goal***)

- i. SDG 1 - Tiada Kemiskinan (*No Poverty*);
- ii. SDG 2 - Kelaparan Sifar (*Zero Hunger*);
- iii. SDG 3 - Kesihatan Baik dan Kesejahteraan (*Good Health and Well-being*);
- iv. SDG 4 - Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*);
- v. SDG 5 - Kesaksamaan Gender (*Gender Equality*);
- vi. SDG 6 - Air Bersih dan Sanitasi (*Clean Water and Sanitation*);
- vii. SDG 7 - Tenaga Berpatutan dan Bersih (*Affordable and Clean Energy*);

- viii. SDG 8 - Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi (*Decent Work and Economic Growth*);
- ix. SDG 9 - Industri, Inovasi dan Infrastruktur (*Industry, Innovation and Infrastructure*);
- x. SDG 10 - Mengurangkan Ketidaksamaan (*Reduced Inequalities*);
- xi. SDG 11 - Bandar dan Masyarakat Mampan (*Sustainable Cities and Communities*);
- xii. SDG 12 - Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab (*Responsible Consumption and Production*);
- xiii. SDG 13 - Tindakan Terhadap Iklim (*Climate Action*);
- xiv. SDG 14 - Kehidupan dalam Air (*Life below Water*);
- xv. SDG 15 - Kehidupan di Darat (*Life on Land*);
- xvi. SDG 16 - Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh (*Peace, Justice and Strong Institutions*);
- xvii. SDG 17 - Kerjasama demi Matlamat (*Partnerships for the Goals*);
- xviii. Lain-lain - Kebahagiaan dan Keharmonian Masyarakat (*Societal Harmony and Happiness*).

#### 3.4 Nic Penyelidikan Universiti

- i. Pendidikan dan Sains Sosial (*Education and Social Science*); dan
- ii. Sains, Teknologi Maklumat dan Teknologi Kreatif (*Science, Information and Creative Technology*).

## 4. TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan maksimum adalah **tiga (3)** tahun.

## 5. SILING PERUNTUKAN

Peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan seperti berikut:

Minimum: RM20,000  
Maksimum: RM60,000

## 6. HASIL PENYELIDIKAN

### 6.1 Penerbitan

- i. Semua penyelidik hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya **TIGA (3)** penerbitan di dalam **Q1/Q2 Journal Citation Report (JCR) (accepted)** atau

**ENAM (6)** penerbitan di dalam Q3/Q4 *Journal Citation Report (JCR) (accepted)*. Satu (1) artikel jurnal Q1/Q2 setara dengan dua (2) artikel jurnal Q3/Q4.

- ii. Penghargaan (*acknowledgement*) dan afiliasi kepada Geran Kecemerlangan@UPSI (kod penyelidikan) mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan yang dihasilkan.
- iii. Penyelidik perlu menghasilkan **penerbitan bersama** (*joint publication*) dengan penyelidik antarabangsa. Penerbitan bersama perlu mendapat persetujuan daripada penyelidik bersama terlebih dahulu. Afiliasi institusi penyelidik bersama antarabangsa juga perlu dinyatakan dengan jelas dalam artikel yang diterbitkan.
- iv. Penyelidik perlu membuat sekurang-kurangnya **lima (5)** sitasi penyelidikan kakitangan akademik UPSI yang berkaitan dalam penerbitan yang dihasilkan.
- v. Penyelidikan perlu menyediakan satu penulisan ringkas mengenai penyelidikan yang dilaksanakan bagi tujuan untuk disebarluaskan dalam akhbar/majalah.

## 6.2 Perkongsian Ilmu

- i. Penyelidik perlu menjadi mentor kepada sekurang-kurangnya **TIGA (3)** penyelidik UPSI. Setiap mentee hendaklah berjaya mengemukakan sekurang-kurangnya **SATU (1)** kertas cadangan penyelidikan berimpak tinggi (RM200,000 dan ke atas) diperingkat kebangsaan atau antarabangsa).
- ii. Penyelidik perlu mengadakan sesi perkongsian kepakaran dalam penyediaan proposal/penerbitan berimpak tinggi sekurang-kurangnya 12 jam sepanjang tempoh penyelidikan kepada pensyarah UPSI.

## 6.3 Kertas Cadangan

- i. Penyelidik hendaklah mengemukakan **SATU (1)** proposal penyelidikan berimpak tinggi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa (RM200,000.00).

## 6.4 Jaringan Kolaborasi

- i. Penyelidik perlu mempunyai **SATU (1)** jaringan kolaborasi (MOU/MOA) yang aktif dengan universiti/agensi/industri dalam tempoh penyelidikan.

## 6.5 Lain-lain

- i. Semua hasil penyelidikan seperti yang telah dipersetujui atau dicadangkan oleh penyelidik di dalam Akujanji Penyelidikan perlu dicapai.

# 7. PERATURAN KEWANGAN

- 7.1 Setiap projek penyelidikan akan diberikan peruntukan tertakluk kepada kecukupan dana peruntukan Tabung Geran Penyelidikan Universiti, RMIC dan kelulusan MJPIU.

- 7.2 Penyelidik perlu menyediakan anggaran kos kajian dalam cadangan kewangan tidak melebihi siling peruntukan yang ditetapkan.
- 7.3 Penyelidik perlu menggunakan peruntukan yang telah diberikan untuk hal-hal yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja.
- 7.4 Garis Panduan Kewangan semasa adalah terpakai bagi geran Kecemerlangan@UPSI ini.
- 7.5 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan, pengangkutan dan sara hidup tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah peruntukan yang diterima oleh projek tersebut.

## **8. PENILAIAN DAN KELULUSAN**

- 8.1 Proposal penyelidikan perlu melalui proses penilaian di peringkat fakulti sebelum dikemukakan kepada RMIC untuk penyelarasan.
- 8.2 Kelulusan geran ini tertakluk kepada keputusan MJPIU.
- 8.3 Surat kelulusan geran hanya akan dikeluarkan setelah pemohon bersetuju melengkapkan Borang Akujanji Penyelidikan dan dikembalikan kepada RMIC.
- 8.4 Keputusan penilaian geran adalah muktamad.

## **9. PEMANTAUAN**

### **9.1 Laporan kemajuan**

Ketua Penyelidik bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan kemajuan dengan mengisi Borang Laporan Kemajuan Penyelidikan dalam tempoh setiap enam (6) bulan seperti yang ditetapkan.

### **9.2 Laporan akhir**

- i. Ketua Penyelidik perlu mengemukakan laporan akhir dengan mengisi Borang Laporan Akhir Penyelidikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat penyelidikan.
- ii. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
  - a. Profil Penyelidikan (5-10 muka surat) mengikut format yang ditetapkan dalam bentuk salinan keras (hardcopy) dan salinan lembut (softcopy) format PDF.
  - b. Mengemukakan bukti penerbitan Q1/Q2 atau penerbitan di dalam Jurnal Citation Report (JCR) (*accepted*).
  - c. Mengemukakan tiga (3) kertas cadangan berimpak tinggi (RM200,000)

daripada 3 orang mentee.

- d. Mengemukakan satu (1) kertas cadangan berimpak tinggi (RM200,000).
- e. Mengemukakan bukti jaringan kolaborasi (LOI/MOU/MOA).
- f. Mengemukakan bukti penghantaran penulisan ringkas berkaitan penyelidikan yang dijalankan bagi disebarluas dalam akhbar/majalah

9.3 Kegagalan penyelidik mengemukakan laporan kemajuan, laporan akhir dan hasil penyelidikan yang ditetapkan akan dikenakan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penyelidikan Universiti Pindaan 2021.

## 10. KAEDAH PERMOHONAN

Pemohon dikehendaki mengisi permohonan secara online di pautan berikut:

<http://rims.upsi.edu.my/>

## 11. CARTA PERBATUAN GERAN KECEMERLANGAN@UPSI

Tempoh	Aktiviti
15.02.2023 - 28.02.2023	Pembukaan Tawaran Geran Penyelidikan
1.03.2023 – 15.03.2023	Penilaian Peringkat Jawatankuasa Fakulti
16.03.2023 - 31.03.2023	Penyelarasan Peringkat RMIC
April 2023	Kelulusan menjalankan penyelidikan (Tertakluk kepada keputusan MJPIU yang dipengerusikan oleh TNCPI)
April 2023	Penyelidikan bermula
Mac 2026	Penyelidikan tamat
Mac 2026	Penghantaran laporan akhir dan hasil penyelidikan (dalam tempoh 3 bulan selepas penyelidikan tamat)

## 12. TANGGUNGJAWAB PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

- 12.1 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) berfungsi sebagai badan yang menyelaras dan mengawal selia perjalanan penyelidikan dari segi dasar dan pengurusan kewangan.
- 12.2 Setiap proposal yang dihantar akan disemak Indeks Persamaan (*Similarity Index*) menggunakan perisian Turnitin. Pihak RMIC berhak menolak sebarang proposal yang berunsurkan pengubahsuaian, plagiat dan pengulangan.

- 12.3 Ketua Penyelidik perlu memahami terma rujukan kajian sebelum memohon dan memastikan kajian berjalan dengan efektif untuk mencapai objektif dan hasil/output kajian mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberi.
- 12.4 Penyelidik bersama perlu menjalankan kajian yang telah diluluskan dan berperanan dalam membantu mencapai objektif dan hasil/output kajian mengikut masa yang ditetapkan.